

Oleh Muhammad Zarunnaim Wahab

Pengurusan Harta Pusaka Kelalaian yang Membinasakan



REALITI dan hakikat amalan pengurusan harta pusaka dalam kalangan umat Islam di Malaysia pada hari ini amatlah membimbangkan. *Berita Harian* bertarikh 29 Mac 2016 melaporkan, aset umat Islam yang tidak dituntut dan tidak dapat diagihkan berjumlah kira-kira RM60 bilion. Sumber yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) itu juga menyebut bahawa aset ini merangkumi harta tanah dan wang yang direkodkan sejak merdeka.

Dengan jumlah yang amat besar yang dicatatkan ini, perkara tersebut menjadi kerugian kepada umat Islam jika harta itu dibekukan kelak. Maka timbullah kebimbangan mengenai kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan harta pusaka serta penjagaan harta umat Islam. Mereka seharusnya peka terhadap permasalahan ini dan mengambil cakna dengan cara pengurusan harta agar tidak dibiarkan begitu sahaja.

Sehubungan dengan itu, antara sebab utama permasalahan ini berlaku termasuklah kurangnya kefahaman, pendedahan mahupun pengetahuan dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini mengenai hukum syarak yang berkaitan dengan pembahagian harta melalui sistem faraid. Malah ada waris yang mempersoalkan perkara yang terlalu asas mengenai faraid. Lebih menyedihkan, ada pula yang sanggup meniadakan hak orang lain yang sepatutnya berhak mewarisi harta si mati semata-mata kerana cetek ilmu mengenai faraid.

Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah saban hari terpapar di dada akhbar dan media sosial isu tentang pergaduhan adik-beradik kerana tidak berpuas hati dengan pengagihan harta pusaka. Tidak kurang pula kes individu yang sanggup memutuskan hubungan kekeluargaan dan bermasam muka selepas proses pengagihan selesai.

Lebih menakutkan, ada pihak yang sanggup melakukan jenayah antara adik dengan abang semata-mata kerana marah dengan pengagihan harta pusaka yang dikatakan tidak adil – fenomena yang amat menakutkan dan perlu segera ditangani.

Pengurusan harta pusaka merupakan satu cabang ilmu yang penting bagi menjamin kesempurnaan pembahagian harta bagi orang Islam selepas kematian seseorang itu. Pengurusan harta pusaka atau juga dikenali sebagai faraid merupakan kaedah yang lengkap untuk pembahagian harta pusaka. Sistem ini dapat mengelakkan sesuatu harta daripada gagal untuk diagihkan, sekali gus dapat menjamin keadilan sesama ahli keluarga dalam pembahagian harta peninggalan.

Secara amnya, faraid ditafsirkan oleh para ulama dengan pelbagai definisi. Perkataan faraid merupakan istilah jamak daripada perkataan *faridah* yang bermaksud sesuatu yang ditetapkan

atau sesuatu yang diwajibkan. Menurut pengertian bahasa, faraid bermaksud ketetapan. Selain itu, faraid dapat ditakrifkan juga sebagai keputusan, penurunan dan penjelasan. Sementara dari segi istilahnya pula, faraid ialah bahagian yang ditetapkan oleh syarak kepada pewaris si mati.

Oleh itu, ilmu faraid boleh ditafsirkan kepada ilmu yang berkaitan dengan kaedah fiqh dan kaedah pengiraan yang membolehkan seseorang itu mengetahui bahagian pusaka yang akan diperolehnya. Dalam erti kata lain, ilmu faraid juga boleh dirumuskan sebagai pengetahuan yang mendalam tentang harta pusaka serta ilmu yang berkaitan dengan kaedah pengiraan yang membolehkan umat Islam mengetahui bahagian harta yang berhak diterima oleh seseorang itu.

Hukum mengagihkan harta pusaka dalam Islam adalah wajib dan dengan jelas dinaskan dalam al-Quran, as-sunnah serta ijmak ulama. Ulama bersepakat bahawa orang yang mengingkari pensyaritan pembahagian harta pusaka ini adalah kafir dan terkeluar daripada Islam.

Dalil pensyaritan mengenai faraid banyak diperjelas oleh Allah SWT dalam al-Quran, antaranya termasuklah dalam Surah *al-Nisa'*, ayat 7, yang bermaksud, "Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat,

dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak daripada harta yang ditinggalkan itu, iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)".

Begitu juga dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang berkenaan dengan harta pusaka, antaranya termasuklah sabda Baginda yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud, "Serahkanlah harta-harta pusaka kepada pemiliknya. Sekiranya ada baki, serahkanlah kepada kaum keluarga lelaki yang terdekat".

Berdasarkan ayat al-Quran serta hadis Rasulullah SAW tersebut, maka jelaslah di sini bahawa pembahagian harta pusaka merupakan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia.

Nabi Muhammad SAW amat menggalakkan dan menyeru kepada kita supaya mempelajari serta mendalami ilmu yang berkaitan dengan harta pusaka. Pada masa yang sama, Baginda juga memberikan peringatan serta amaran agar kita tidak mengambil mudah atau mengabaikan ilmu ini.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim, Baginda bersabda yang bermaksud, "Pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah kepada orang lain. Sesungguhnya aku akan mati, ilmu ini juga akan mati dan akan berlaku kacau-bilau sehingga apabila dua orang bertelingkah kerana harta pusaka, mereka tidak dapat menemui sesiapa yang boleh menyelesaikan kes mereka".

Usaha mempelajari ilmu faraid amat dituntut dan digalakkan oleh Nabi Muhammad SAW. Malah para sahabat nabi mengambil berat terhadap ilmu ini. Sayidina Umar al-Khattab r.a. contohnya, pernah berkata, "Pelajarilah ilmu faraid kerana hal ini sebahagian daripada agama kamu".

Berdasarkan senario kehidupan kita pada hari ini, memang benarlah apa-apa yang disabdakan oleh Baginda. Ilmu faraid merupakan ilmu yang telah mula dilupakan oleh masyarakat Islam kini. Jika diteliti masih banyak waris yang beragama Islam tidak begitu memahami jumlah dan batasan hak untuk mewarisi harta mengikut pembahagian faraid. Oleh itu, marilah kita memberikan perhatian tentang syarat dan rukun pembahagian harta pusaka dalam Islam.

Ulama bersepakat bahawa orang yang mengingkari pensyaritan pembahagian harta pusaka ini adalah kafir dan terkeluar daripada Islam.

Pengurusan harta pusaka atau juga dikenali sebagai faraid merupakan kaedah yang lengkap untuk pembahagian harta pusaka.



Foto: abuwafi98

Umat Islam seharusnya cakna dengan ilmu pembahagian harta pusaka yang termaktub dalam sistem faraid.

Sesuatu harta tidak dianggap sebagai harta pusaka selagi tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Terdapat empat syarat utama untuk menjadikan sesuatu harta itu sebagai pusaka.

- **Kematian**

Kematian seseorang itu telah disahkan atau telah dianggap meninggal dunia. Bagi kes orang hilang, pewaris hendaklah merujuk hakim. Hal ini bagi membolehkan hakim membuat penilaian sama ada ingin memberikan pengesahan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia ataupun sebaliknya.

- **Pewaris**

Si mati hendaklah mempunyai waris yang sah dan mereka masih hidup ketika kematian si mati.

- **Hubungan**

Salasilah hubungan waris dengan si mati hendaklah diketahui dengan jelas sama ada melalui hubungan kekeluargaan, pernikahan mahupun melalui pembebasan hamba.

- **Pengakuan**

Syarat pengakuan ini hendaklah diputuskan oleh hakim. Hakim perlu mengesahkan hubungan pewaris dengan si mati bagi melayakkan waris mewarisi harta tersebut. Oleh itu, hakim tidak boleh menerima pengakuan seseorang itu dengan sewenang-wenangnya. Jika seseorang itu membawa seorang saksi bagi membuat pengakuan bagi pihaknya, hakim berhak meminta saksi tersebut menjelaskan sebab dan salasilah keturunan si pewaris.

Sementara itu, secara amnya pusaka mempunyai tiga rukun utama.

- **Orang yang mewariskan hartanya**

Mereka ini ialah si mati yang meninggalkan hartanya yang boleh diwarisi sepenuhnya.

- **Waris**

Mereka ini ialah orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang sah dengan si mati sama ada melalui hubungan keturunan, pernikahan mahupun melalui pembebasan hamba. Pembebasan hamba bermaksud tuan yang membebaskan hamba akan mendapat harta pusaka jika hamba yang merdeka itu tidak mempunyai ahli waris.

- **Harta yang ditinggalkan**

Hal ini merujuk harta yang ditinggalkan oleh si mati selepas kematiannya.

Pengharmonian semula ilmu faraid merupakan langkah proaktif yang berterusan yang perlu digerakkan segera agar permasalahan tentang pengagihan harta pusaka ini tidak menjadi barah dalam masyarakat kita. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah melalui medium kuliah ilmu. Sebagai contoh, pihak masjid dan surau digalakkan menyediakan slot kuliah khusus setiap minggu untuk membicarakan tajuk yang berkaitan dengan ilmu faraid.

Agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan agama Islam negeri (JAIN) mestilah turut memainkan peranan masing-masing. Sebagai contoh, topik pembahagian harta pusaka mengikut faraid boleh dijadikan sebagai salah satu isi teks khutbah Jumaat. Lebih baik lagi sekiranya ilmu faraid ini dapat dijadikan salah satu subjek dalam sukatan pembelajaran Pendidikan Islam pada peringkat sekolah menengah atau di pusat pengajian tinggi.

Sebagai kesimpulannya, umat Islam di Malaysia hendaklah kembali memberikan perhatian yang serius akan kepentingan memahami ilmu faraid. Hal ini penting bagi memastikan setiap individu mengetahui pecahan bahagian dan batasan yang sebenarnya yang boleh dituntut dari segi syarak bagi mewarisi harta pusaka tanpa mengetepikan hak orang lain.

Pada hakikatnya, jika semua masyarakat Islam mempunyai pengetahuan asas mengenai pembahagian harta pusaka, banyak masalah yang timbul pada hari ini dapat diselesaikan dengan baik dan teratur, sekali gus mampu memberikan impak positif terhadap tahap ekonomi umat Islam. ●